

Ruj. Tuan : JPA(PERK)256/4/10-Klt.9(33)
Ruj. Kami : SPA.U/2705/35-36 (9)
Tarikh : 27 Mac 2008

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(U.p. Y. Brs. Dr. Haji Mohd Azhar bin Haji Yahaya)

Tuan,

**PEWAKILAN KUASA MELANTIK SECARA KONTRAK KEPADA KETUA
PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BAGI JAWATAN PEGAWAI TADBIR
DAN DIPLOMATIK (PTD) GRED M41**

Dengan hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas yang berkaitan.

2. Sukalah dimaklumkan Suruhanjaya telah membuat keputusan untuk mewakili kuasa melantik secara kontrak ke jawatan PTD Gred M41 kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

3. Bagi melaksanakan perwakilan kuasa tersebut calon-calon yang dipilih hendaklah dari kalangan pemegang biasiswa JPA yang memenuhi kriteria seperti berikut:

- a) pencapaian CGPA 3.00 dan ke atas atau setaraf dengannya;
- b) pelajar cemerlang dari universiti terkemuka dunia yang memiliki kelayakan yang diiktiraf kerajaan;
- c) memiliki kepakaran yang sukar diperolehi dan amat diperlukan oleh skim perkhidmatan tersebut;

d) mempunyai daya kepimpinan yang cemerlang dan memiliki personaliti yang menarik, berketerampilan dan berintegriti tinggi;

atau

e) menguasai lebih dari satu bahasa asing selain dari Bahasa Inggeris.

4. Ketua Perkhidmatan boleh memperakukan kepada Suruhanjaya untuk ditemu duga bagi maksud lantikan tetap setelah memenuhi syarat-syarat berikut:

a) berkhidmat selama satu tahun;

b) berdaftar dengan SPA; dan

c) memenuhi syarat skim perkhidmatan.

5. Satu laporan mengenai calon yang dilantik hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan menggunakan format seperti di Lampiran A.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



RAMLI BIN JUHARI
Timbalan Setiausaha (Pembangunan)

DIBATALKAN
(Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya bertarikh 25 November 2024)